

Negara kaya terus

B.H. 15 JUN 1992

menindas

RIO DE JANEIRO, Ahad — Malaysia dan negara-negara membangun tidak mahu terus menerus dieksploitasi untuk kepentingan negara kaya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, menegaskan: "Sebagai negara yang pernah dijajah, kami dieksploitasi. Sekarang, sebagai sebuah negara yang merdeka, kami juga dieksploitasi."

Beliau berkata demikian di Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UnCED) di sini, hari ini (Sabtu di Rio).

Dalam nada tenang yang dianggap sebagai *heavyweight* pada persidangan hari kedua, Dr Mahathir hairan kerana dalam dunia yang mengagungkan demokrasi, negara yang berkuasa meletakkan syarat meskipun untuk mengambil bahagian dalam proses demokrasi.

"Kami terkilang atas prinsip keadilan dan

saksama ini. Malah, kami dapati Deklarasi Rio dan Agenda 21 dikaburi atas desakan kuasa besar dan kaya," katanya.

Dr Mahathir adalah antara 49 pemimpin dunia yang berucap pada hari ini.

Pagi ini, beliau dikunjungi Mwalimu Julius Nyerere, Timbalan Perdana Menteri Iraq, Tareq Aziz dan Perdana Menteri Cook Island, Geoffrey Hunter.

Dr Mahathir berkata, dunia sepatutnya melihat apa yang dilakukan oleh negara kaya dan bukan membuat perhitungan kepada negara miskin.

Keadaan ini menyebabkan negara kaya sukar mengubah cara hidup mereka. Jika perubahan hidup ditujukan kepada negara miskin, ia hanya mewujudkan suasana tidak produktif.

Perdana Menteri berkata, negara membangun dan miskin perlu dibenarkan mengambil bahagian dalam urusan yang mempunyai kepentingan me-

reka.

"Kami menerima Kemudahan Alam Sekitar Sedunia (GEF) dan setuju ia ditadbirkan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) yang dikuasai oleh Bank Dunia, tetapi mengapa kami tidak diberi sedikit suara mentadbir tabung ini," katanya.

Mengenai usaha mengawal pencemaran, Dr Mahathir menjelaskan, Malaysia mengenakan cukai 300 peratus terhadap kereta yang mempunyai kapasiti enjin yang besar. Kereta kecil juga dikenakan cukai yang berat. Tetapi, di negara maju, cukai yang dikenakan ke atas automobil dan petrol adalah minimum menyebabkan kadar bilangan kereta tinggi.

Katanya, Malaysia tidak perlu bimbang untuk mengatasi masalah pencemaran jika ia adalah hasil pengeluaran sisa dalam negara. Tetapi, katanya, Malaysia terpaksa menghadapi pencemaran yang melepasi sempadan.